

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPAD : YB TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**  
**TARIKH : 11 JUN 2014**  
**NO. SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkhidmatan-perkhidmatan atau kemudahan yang para pesakit di hospital awam perlu membayar dan apakah caranya Kerajaan boleh membantu pesakit-pesakit yang tidak mampu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat kepada semua pesakit dan pada masa yang sama dapat memenuhi keperluan pesakit dengan penggunaan sumber yang optima. Pada dasarnya perkhidmatan, kemudahan dan rawatan yang disediakan oleh KKM kepada semua rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Fi (Perubatan) 1982, Akta Fi (Perubatan) ( Pindaan) ( Warga Asing) 2003, Akta Fi (Perubatan) (*Full Paying Patient* ) 2007 dan pekeliling Bahagian Kewangan KKM.

Perbezaan dari segi caj bayaran adalah bergantung kepada status warga negara atau bukan warga negara, jenis-jenis perkhidmatan dan rawatan yang diberikan seperti rawatan pesakit luar, pesakit dalam, pembedahan, penjagaan intensif dan lain-lain rawatan atau siasatan yang bergantung kepada jenis-jenis kepakaran dan subkepakaran.

Perkhidmatan dan rawatan perubatan yang diberikan kepada rakyat Malaysia sebagai pesakit luar termasuk semua jenis siasatan dan ubatan adalah percuma di mana pesakit hanya dikenakan bayaran RM1 untuk pendaftaran di Jabatan Pesakit Luar Am dan RM5 untuk pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar. Walau bagaimanapun, bagi pesakit dalam, setiap perkhidmatan atau rawatan di hospital-hospital kerajaan dikenakan bayaran iaitu bagi ujian makmal, ujian radiografi dan prosedur yang dilakukan.

Bagi pesakit yang tidak mampu untuk membayar rawatan atau perkhidmatan yang dikenakan, pesakit boleh mendapat pengecualian bayaran khas untuk pesakit Wad Kelas 3 di mana caj maksimum adalah RM500 seperti yang tertakluk dalam Akta Fi, dan pesakit juga akan dirujuk kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan yang disediakan di hampir semua hospital awam bagi membantu untuk mendapatkan bantuan pengecualian pembayaran dan bantuan penyakit kronik.